



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	28 July 2015



Najib bersalaman dengan Muhyiddin ketika hadir pada Majlis Rumah Terbuka CIMB di Kuala Lumpur, malam tadi.

(FOTO AZUDDIN SAAD/BH)

Semua pihak diminta elak keruh keadaan

» Pejabat PM keluar kenyataan penuh harap tunggu hasil siasatan

Oleh Magendran Rajagopal
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Semua pihak diminta mengelak membuat kenyataan berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang boleh mengeruhkan persepsi rakyat terhadap kepemimpinan negara, kerajaan dan UMNO.

Pejabat Perdana Menteri, dalam satu kenyataan semalam, berkata siasatan sedang berjalan dan pihak yang menjalankan siasatan perlu diberi ruang untuk menjalankan tugas mereka dan bersabar menunggu hasil siasatan.

Berikut adalah kenyataan penuh Pejabat Perdana Menteri:

Kerajaan telahpun mengambil tindakan yang sepatutnya bagi menangani tuduhan dan kebimbangan yang dibangkitkan oleh pelbagai pihak mengenai isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Ini termasuklah arahan Kabinet untuk siasatan dibuat oleh Ketua Audit Negara dan Jawatan Kuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Selain itu, satu dokumen Fact Sheet mengenai 1MDB telahpun diedarkan kepada semua Menteri-Menteri Kabinet sebelum ini.

Satu Pasukan Petugas Khas juga telah ditubuhkan bagi menyiasat dakwaan oleh sebuah media asing bahawa dana 1MDB telah dimasukkan ke dalam akaun Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, serta pendedahan bekas eksekutif kanan PetroSaudi International Ltd, Xavier Andre Justo, bahawa beliau telah menjual dokumen yang dicurinya kepada pihak tertentu yang dipercayai berkomploit untuk menggulingkan kepemimpinan negara dan kerajaan.

Siasatan sedang berjalan dan kita perlu memberi ruang ke-

“*BH-28/7/2015*
Kerajaan telahpun mengambil tindakan yang sepatutnya bagi menangani tuduhan dan kebimbangan yang dibangkitkan oleh pelbagai pihak mengenai isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Ini termasuklah arahan Kabinet untuk siasatan dibuat oleh Ketua Audit Negara dan Jawatan Kuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)”

Kenyataan Pejabat Perdana Menteri

pada pihak yang terbabit untuk menjalankan tugas mereka. Oleh itu, semua pihak lebih-lebih lagi anggota Pentadbiran termasuk YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, hendaklah menunggu hasil siasatan tersebut.

Sewajarnya kita mengelak membuat kenyataan yang boleh mengeruhkan persepsi rakyat terhadap kepemimpinan negara serta kerajaan dan UMNO. Insya-Allah, jika kita tenang dan terus bersatu padu kita akan dapat menangani cabaran ini dan mempertahankan sokongan rakyat kepada kerajaan dan parti. Sokongan rakyat terhadap kerajaan dan parti akan terhakis jika kita berbalah sesama sendiri.

Dalam hal ini, tindakan mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang terus membuat pelbagai tuduhan yang tidak berasas termasuk kehilangan RM42 bilion kepunyaan 1MDB walaupun penjelasan telah dibuat oleh kerajaan turut menyumbang kepada terhakisnya kepercayaan terhadap kerajaan dan parti.

Kerajaan berharap semua pihak bersabar menunggu hasil siasatan yang sedang berjalan terhadap 1MDB. Ini bagi menentukan kesahihan tentang pelbagai dakwaan yang wujud. Pada masa yang sama, kita elakkan membuat kenyataan yang boleh mengganggu-gugat kestabilan kerajaan dan perpaduan parti dan negara.

Pejabat Perdana Menteri
27 Julai 2015